

Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) mengenai Fardu Ain di kalangan Murid Sekolah Menengah Negeri Perlis

BITARA

Volume 7, Issue 2, 2024: 90-115
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 28 February 2024
Accepted: 4 March 2024
Published: 17 March 2024

[*Knowledge, Attitude and Practice (KAP) Regarding Fardu Ain Among Secondary School Students in Perlis State*]

Fathullah Asni^{1*}, Khalilullah Amin Ahmad², Muhamad Husni Hasbulah³
& Afiffudin Mohammed Noor⁴

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Gelugor, Penang, MALAYSIA.

2 Fakulti al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis, MALAYSIA.

3 Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis, MALAYSIA.

4 Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perlis, MALAYSIA.

*Corresponding Author; email: fathullah@usm.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan amalan fardu 'ain dalam kalangan pelajar di sekolah menengah sekitar di negeri Perlis. Kajian ini dilakukan rentetan daripada kajian-kajian lepas mengesahkan bahawa faktor lemah pegangan agama adalah punca utama penglibatan remaja Islam dalam masalah sosial. Rekod statistik juvana dalam kalangan remaja semakin meningkat saban tahun, sedangkan remaja adalah generasi pelapis dan modal insan negara. Kajian ini telah dijalankan terhadap para pelajar tingkatan lima di sekolah menengah sekitar di negeri Perlis. Sebanyak enam kategori pendidikan menengah menjadi populasi kajian melibatkan 347 pelajar. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Statistics versi22. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan pelajar sekolah menengah tingkatan lima mengenai fardu 'ain berada pada tahap tinggi dengan min sebanyak 3.89. Demikian juga pengetahuan responden terhadap fardu 'ain berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.94. Manakala sikap responden terhadap fardu 'ain berada pada tahap rendah dengan min 2.57. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ujian Kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap amalan pelajar berkaitan fardu 'ain mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .74$, $p < .01$) dengan tahap pengetahuan pelajar. Ujian Kolerasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar berkaitan fardu 'ain tidak mempunyai hubungan yang signifikan ($r = .308$, $p > .01$) ($r = .258$, $p > .01$) terhadap tahap amalan dan pengetahuan pelajar. Implikasi kajian ini mendapati bahawa sikap negatif di kalangan pelajar boleh menatijahkan tingkah laku negatif hingga boleh membawa kepada masalah sosial yang meruncing.

Kata kunci: Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP), Fardu 'Ain, Perlis, Sekolah Menengah, Malaysia

Abstract

This study aims to determine the level of knowledge, attitudes, and practices of fardu 'ain among students in secondary schools around Perlis. This study was carried out in a series of previous studies confirming that the weak factor of religious belief is the main cause of the involvement of Muslim youth in social problems. Juvenile statistics records among teenagers are increasing yearly, while teenagers are the next generation and the country's human capital. This study was conducted on fifth-grade students in secondary schools around Perlis. A total of six categories of secondary education became the study population, involving 347 students. The data obtained was analyzed

using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Statistics software version 22. Findings show that the level of practice of form five secondary school students regarding fardu 'ain is at a high level with a mean of 3.89. Similarly, the respondents' knowledge of fardu 'ain is at a high level with a mean value of 3.94. Meanwhile, the respondents' attitude towards fardu 'ain is low, with a mean of 2.57. The findings show that the Pearson Correlation test shows that the level of student practice related to fardu 'ain has a significant relationship ($r = .74, p < .01$) with the level of student knowledge. Pearson's Correlation Test as a whole show that the level of students' attitudes related to fardu 'ain does not have a significant relationship ($r = .308, p > .01$) ($r = .258, p > .01$) to the level of students' practice and knowledge. This study implies that a negative attitude leads to negative behaviour that can escalate social problems.

Keywords: Knowledge, Attitude and Practice (KAP), Fardu 'Ain, Perlis, Secondary School, Malaysia

Cite This Article:

Fathullah Asni, Khalilullah Amin Ahmad, Muhamad Husni Hasbulah & Afiffudin Mohammed Noor. (2024). Pengetahuan, Sikap dan Amalan (KAP) mengenai Fardu Ain di kalangan Murid Sekolah Menengah Negeri Perlis [Knowledge, Attitude and Practice (KAP) Regarding Fardu Ain Among Secondary School Students in Perlis State]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 90-115.

Pengenalan

Remaja adalah generasi pelapis dan modal insan bagi sesebuah negara pada masa akan datang (Hussain dan Talhah, 2019). Pengetahuan dan sahsiah remaja perlu digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang mapan. Usaha membentuk golongan remaja berkualiti mestilah dilakukan sebaiknya dan secara berterusan. Oleh itu, pengukuhan aspek rohani merupakan elemen utama dalam menentukan kemenjadian remaja sebagai modal insan yang holistik dan berdaya saing.

Elemen rohani perlu diberikan penekanan dalam pembinaan diri. Hal ini penting bagi mewujudkan masyarakat Madani yang maju dari segi ilmu dan teknologi tanpa mengesampingkan nilai adab dan kemanusiaan. Unsur kerohanian yang telah terbina dalam diri remaja berperanan menstabilkan emosi dan mengawal diri mereka daripada terlibat dengan kefasadan gejala sosial yang kian meruncing (Zainal et al., 2010; al-Ghazali, 2002). Hal ini boleh dilihat berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang mengesahkan bahawa faktor lemah pegangan agama adalah merupakan punca utama penglibatan remaja Islam dalam masalah sosial (Rahman, 2005) dan jenayah Syariah (Amran, 1993) seperti jenayah zina (Azizah, 2012) dan seks bebas (Hasyim dan Fauzi, 2002).

Kepincangan dalam pembangunan insan ini wujud disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam proses pendidikan jasmani dan rohani serta mengakibatkan kepincangan salah laku remaja. Berdasarkan statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, seramai 34,248 orang remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun telah terlibat dengan kes juvana yang melibatkan kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia bagi tahun 2016 hingga Disember 2022. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sejumlah 23,569 kes atau 68.82% melibatkan pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam.

Statistik kes juvana sedia ada sudah cukup membimbangkan, ditambah pula dengan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Sembilan yang menyatakan bahawa sebanyak 237 kes juvana dilaporkan di daerah Seremban daripada Januari 2020 hingga Mei 2021 yang melibatkan jenayah harta benda, kekerasan, penyalahgunaan dadah, lalu lintas dan lain-lain termasuklah aktiviti pelacuran atau *Guest Relations Officer* (GRO) dan berjudi. Daripada 237 jumlah kes keseluruhan, sejumlah 173 kes atau 73% melibatkan pesalah juvana daripada remaja Melayu yang beragama Islam. Laporan statistik ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti remaja yang terlibat adalah pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan akidah dan ibadah di sekolah.

Keadaan ini menimbulkan persoalan, adakah belia tidak melaksanakan tuntutan fardu ‘ain dengan baik. Ini adalah kerana fardu ‘ain adalah ilmu yang berkaitan dengan penyempurnaan ibadat seseorang seperti solat, puasa, dan zakat. Di sebalik amalan-amalan tersebut, terdapat hikmah dan rahsia tertentu yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Ia juga adalah ilmu yang berkait rapat dengan pembentukan peribadi mulia seseorang insan yang membolehkan manusia menghayati tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT di muka bumi ini. Farihah (2006) dalam kajiannya “Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja: Suatu Kajian di Alor Setar”, mendapati tiada penghayatan ibadah khusus harian terutamanya solat fardu telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.

Di Malaysia, aspek yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah secara bersepadu iaitu merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Kurikulum pendidikan Islam disediakan dengan bersistematik, program pendidikan yang tersusun dan disokong oleh tenaga pengajar berkualiti yang telah melalui siri latihan perguruan daripada institusi-institusi yang dikawal selia oleh kerajaan. Berdasarkan komitmen dan prasarana yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, boleh diandaikan bahawa pelajar-pelajar Islam di Malaysia mampu mempraktikkan pengetahuan Islam yang dipelajari sebagai satu cara hidup sekali gus dapat memenuhi aspirasi kerajaan yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Namun, realiti yang berlaku adalah sebaliknya (Zainuddin dan Razak, 2021). Sebagai langkah proaktif, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan amalan fardu ‘ain di kalangan pelajar tingkatan lima di sekitar sekolah menengah di negeri Perlis.

Kajian Literatur

Ilmu Fardu ‘Ain

Fardu ‘Ain merupakan istilah fikah yang terhasil daripada hukum *taklifi* di mana kesannya ia merupakan hukum yang wajib. Kata fardu yang berasal daripada kata ‘*fard*’ dalam bahasa Arab, secara bahasa bermaksud ukuran (*al-taqdir*) dan juga putus (*al-qat*). Istilah fardu memiliki makna yang sama dengan wajib iaitu perbuatan yang dituntut secara tegas oleh Syarak kepada *mukallaf* untuk diamalkan. Manakala menurut istilah, fardu bermaksud perbuatan yang dituntut secara tegas (*talaban jaziman*) oleh syarak terhadap *mukallaf* untuk diamalkan di mana pengamalannya dijanjikan pahala dan pengabaian tanpa uzur *syar’i* dijanjikan dosa (Nugraha, 2017).

Perkara Asas Fardu 'Ain (PAFA)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Perkara Asas Fardu 'Ain (PAFA) pada tahun 1994, iaitu yang akan diuji pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam usaha memperkasakan lagi PAFA terhadap pelajar, berlaku penyemakan semula pada tahun 2001 dan dilaksanakan serentak dengan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR/KBSM bermula sesi Persekolahan 2003 untuk menguji semula pelajar (Abdullah dan Adnan, 2018). Pelaksanaan PAFA ini, dijalankan oleh guru Pendidikan Islam pada masa dua waktu tambahan iaitu selama 60 minit seminggu. Melalui proses pemahaman teori dan amali dalam PAFA ini, pelajar akan diberi tunjuk ajar dan bimbingan dengan lengkap agar dapat memahami ilmu fardu 'ain ini dengan sebaik mungkin (Abdullah dan Adnan, 2018).

PAFA merupakan Perkara Asas Fardu 'Ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan untuk membentuk pelajar supaya pelajar dapat memahami, mengetahui, menghayati dan mengamalkan dengan sempurna mengikut kehendak syariat Islam. Melalui aspek penilaian, murid dapat memahami dan mengamalkannya pada tahap yang paling asas dan minimum. Penilaian PAFA ini adalah bertujuan untuk pertama, mengenal pasti murid yang lemah dalam kefahaman dan amalan PAFA, kemudian membimbing sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkannya dengan betul dan sempurna dalam kehidupan seharian. Kedua, memastikan tidak terdapat sebarang keciciran dalam PAFA. Manakala yang ketiga pula ialah menyuburkan keinsafan dan kerelaan yang positif untuk menghayatinya dalam amalan kehidupan harian. Akhir sekali iaitu yang keempat, memotivasi dan merangsang tanggungjawab guru untuk memastikan murid menguasai dan menghayati PAFA secara berterusan (Abdullah dan Adnan, 2018). PAFA ini sepatutnya mampu diamalkan oleh pelajar dengan sempurna setelah mempelajarinya dan dilakukan dengan kehendak hati tanpa ada paksaan.

Menurut Yunus (1999) dalam kajiannya mendapati semua pelajar mempunyai tanggapan positif terhadap PAFA kerana mereka berpendapat bahawa PAFA merupakan satu mata pelajaran yang sangat penting dalam diri mereka kerana Perkara Asas Fardu 'Ain ini dapat menangani masalah buta fardu 'ain dalam kalangan mereka. Justeru, matlamat PAFA sebenarnya seiring dengan matlamat utama Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, bagi melahirkan insan yang sempurna ini, Islam menganggap solat sebagai tiang agama yang membina teguh keimanan dan ketakwaan dalam diri individu muslim (Abdullah dan Adnan, 2018).

Hubungan tahap pengetahuan terhadap amalan

Pengetahuan ialah komponen kepada model KAP. Pengetahuan merupakan asas kepada perlakuan atau tingkah laku seseorang individu. Tanpa pengetahuan, seseorang itu tidak boleh bertindak terhadap sesuatu maklumat atau isu yang diperolehi. Menurut Fiesbein dan Ajzen (1975) pengetahuan juga dikenali sebagai faktor kognitif di mana pengetahuan merupakan asas

yang membina blok-blok dalam struktur pemikiran manusia. Pengetahuan juga berperanan sebagai teras kepada penentuan sikap (*attitude*), niat (*intention*) dan tingkah laku (*behaviour*). Pendedahan terhadap maklumat yang baru boleh meningkatkan pengetahuan. Hal ini turut dipersetujui oleh Valente et al. (1998) dan Mahadevan (2009) apabila pengetahuan seseorang bertambah, maka pengetahuan ini akan menjadi pendorong kepada perubahan sikap.

Apabila seseorang itu semakin kerap terdedah kepada sesuatu mesej, dia berkemungkinan dipengaruhi oleh mesej berkenaan. Komponen yang mempengaruhi sikap (*attitude*) ialah kognitif yang mengandungi pengetahuan dan kepercayaan terhadap sesuatu isu atau maklumat. Menurut Valente et al. (1998), perasaan kasih dan sayang yang mengandungi emosi dan perasaan seseorang terhadap sesuatu isu atau maklumat dan komponen kognitif yang mempunyai kecenderungan untuk bertindak mengikut cara yang tertentu.

Valente et al. (1998) juga menyatakan bahawa proses untuk berfikir (kognitif) akan mempengaruhi seseorang untuk bertindak mengikut perasaan terhadap sesuatu isu atau maklumat yang diperolehinya. Mahadevan (2009) menyatakan komponen pengetahuan memainkan peranan yang penting untuk membantu manusia bagi melihat persekitaran dengan lebih fokus.

Amalan (*practices*) juga dikenali sebagai tingkah laku (*behaviour*) seseorang berdasarkan kepada pengetahuan yang telah mereka perolehi. Amalan yang dilakukan adalah hasil daripada pengetahuan yang bertambah dalam diri seseorang. Menurut Kaliyaperumal (2004), amalan merujuk kepada cara-cara di mana seseorang itu menunjukkan pengetahuan mereka melalui tindakan yang mereka lakukan.

Apabila seseorang itu memahami pengetahuan dengan lebih mendalam, sikap dan amalan membolehkan tindakan yang lebih baik dilakukan bagi mewujudkan proses kesedaran (Kaliyaperumal, 2004). Setelah tahap pengetahuan seseorang itu bertambah, maka sikap dan amalan juga akan berubah menjadi positif. Hal ini di sokong oleh Valente et al. (1998) menyatakan penglibatan yang tinggi dalam sesuatu situasi iaitu dengan mempelajari sesuatu yang baru akan membentuk sikap yang positif dan kemudian akan memulakan perilaku (amalan). Perilaku yang dilakukan adalah merujuk kepada amalan yang dilakukan setelah pengetahuan bertambah.

Hubungan pengetahuan dengan amalan menunjukkan bahawa pengetahuan yang bertambah boleh menyebabkan sikap seseorang itu berubah menjadi positif serta bertindak mengikut pengetahuan yang diperolehi. Sebagai contoh, apabila seseorang terdedah kepada pengajaran ilmu fardu 'ain, pengetahuan seseorang akan bertambah dan sikap juga akan berubah menjadi positif iaitu mempersetujui mesej yang disampaikan. Pengkaji mengandaikan apabila pengetahuan bertambah, sikap juga akan berubah menjadi positif dan amalan (tingkah laku) juga akan berubah mengikut pengetahuan yang diperolehi seseorang itu.

Hubungan yang positif antara hubungan pengetahuan dengan amalan ditunjukkan dalam kajian Jalil et al. (2017), kajian berkaitan dengan Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardu 'Ain Anak-Anak Mualaf Sekolah Menengah Di Bahagian Sri Aman Sarawak. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan amalan fardu 'ain anak-anak mualaf sekolah menengah di bahagian Sri Aman, Sarawak. Selain itu kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan fardu 'ain anak-anak mualaf terhadap amalan fardu 'ain. Kajian ini terbatas kepada mengukur tahap pengetahuan dan amalan fardu 'ain daripada aspek solat fardu, mandi wajib dan berpakaian menutup aurat. Kajian ini melibatkan seramai 97 orang

anak muallaf dari enam buah sekolah menengah di bahagian Sri Aman, Sarawak yang mewakili 89% daripada jumlah keseluruhan populasi. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik. Analisis data secara deskriptif dan inferensi melalui ujian Korelasi Pearson dilakukan dengan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan fardu 'ain anak-anak muallaf berada pada tahap tinggi manakala bagi amalan fardu 'ain anak-anak muallaf pula berada pada tahap sederhana. Di samping itu, hasil kajian mendapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan fardu 'ain anak-anak muallaf dengan amalan fardu 'ain mereka. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi implikasi kepada ibu bapa, pihak sekolah terutama para guru dan institusi-institusi agama Islam untuk bersama-sama menggembelng tenaga dan usaha dalam memberi didikan dan bimbingan fardu 'ain kepada anak-anak muallaf agar dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan amalan fardu 'ain mereka.

Bidin et al. (2015), kajian berkaitan Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Penyelidik telah menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Satu set soal selidik yang mengandungi 20 item telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 20.0 untuk melihat statistik deskriptif.

Kajian ini mempunyai tiga skop kajian iaitu kefahaman pelajar tentang solat fardu, kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah dan balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat fardu. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar muslim semester akhir di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka seramai 75 orang yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Sampel-sampel ini diambil daripada lima program Sijil Kolej Komuniti (SKK) yang terdapat di Kolej Komuniti tersebut iaitu Sijil Pemasangan Elektrik, Sijil Servis kenderaan Ringan, Sijil Kulinari, Sijil Operasi Perhotelan dan Sijil Fesyen dan Pakaian.

Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang solat fardu adalah tinggi. Begitu juga hal keadaannya dengan tahap kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah juga tinggi. Manakala tahap kefahaman mereka terhadap balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat juga berada pada aras yang tinggi. Oleh itu, harapan pengkaji agar para pensyarah meningkatkan daya usaha dan komitmen bagi membimbing pelajar-pelajar dengan menyediakan aktiviti-aktiviti kerohanian. Antara aktiviti kerohanian yang perlu dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar ialah kem ibadah, kursus-kursus dan program pemantapan solat bagi meningkatkan tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu dalam kehidupan mereka seharian.

Ibrahim (2012), kajian berkaitan Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat di Kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan. Tujuan utama kajian ini ialah untuk membincangkan tahap kefahaman dan amalan dikalangan pelajar terhadap kefarduan menutup aurat di tiga buah sekolah menengah agama di Daerah Pekan. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah agama di Daerah Pekan. Seramai 100 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian. Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data ialah borang soal selidik. Proses pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik sendiri. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for windows (Version 20.0)*.

Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Kajian mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan tuntutan menutup aurat berada pada tahap tinggi dengan purata min ialah 4.94. Manakala tahap amalan dan persepsi lebih rendah daripada apa yang mereka fahami iaitu masing-masing atas nilai 4.05 dan 4.78 tetapi masih berada pada tahap yang tinggi. Ini kerana semua responden adalah bersekolah agama. Saranan yang dikemukakan untuk memperbaiki lagi tahap amalan mereka adalah melalui penekanan kepada didikan agama oleh semua pihak samada ibubapa, pihak sekolah dan masyarakat sekeliling.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Zainuddin dan Razak (2021) yang mengkaji tahap pengetahuan akidah dan hubungannya dengan amalan ibadah pelajar. Pengetahuan akidah pelajar dalam kajian ini adalah berkaitan dengan persoalan rukun iman yang merupakan asas pegangan umat Islam. Sehubungan itu, pengetahuan tentang akidah diukur melalui kemampuan pelajar memahami rukun Iman manakala amalan ibadah pelajar pula melibatkan amalan solat fardu, membaca al-Quran dan berpakaian menutup aurat. Kajian tinjauan ini ditadbir secara dalam talian di dua buah sekolah menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan melibatkan 66 orang pelajar. Instrumen soal selidik dibina melalui proses adaptasi daripada kajian-kajian lepas.

Penganalisan data dilakukan menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi menggunakan min dan sisihan piawai, korelasi Pearson menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.69 dan 3.94. Hubungan yang signifikan pada tahap sederhana di antara pengetahuan akidah ($r=0.45$ $p<0.01$) dengan amalan ibadah pelajar dapat dilihat melalui keputusan analisis korelasi Pearson. Oleh itu, hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H0: Tiada hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan.

Hubungan sikap terhadap pengetahuan dan amalan

Menurut Fiesbien dan Ajzen (1975), sikap manusia boleh dijelaskan sebagai satu bentuk kecenderungan untuk manusia bertindak secara konsisten terhadap sesuatu objek atau situasi. Kecenderungan tersebut merujuk kepada keadaan seseorang bertindak terhadap mesej atau pengetahuan yang diperolehi. Menurut Mahadevan (2009), tindakan yang dilakukan oleh seseorang adalah belajar daripada paksaan ataupun dengan diri sendiri dan juga mempunyai kaitan dengan faktor kognitif apabila merujuk kepada perasaan atau tindak balas psikologi. Untuk memahami tindakan psikologi, jelas bahawa pengetahuan faktor penyebab yang membina sikap terhadap sesuatu (Mahadevan, 2009).

Sikap seseorang individu berubah akan mendorong kepada perubahan tingkah laku. Hal ini terjadi apabila tingkah laku manusia yang mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila sikap telah berubah, maka tingkah laku manusia secara tidak langsung akan berubah. Hal ini disokong oleh Fiesbien dan Ajzen (1975) yang menyatakan bahawa perubahan tingkah laku berlaku apabila pengetahuan bertambah. Jika pengetahuan seseorang itu bertambah, maka perubahan sikap akan berlaku dan secara tidak langsung tingkah laku juga akan berubah.

Ringkasnya bahawa sikap terhadap ilmu fardu 'ain itu sendiri yang memberikan pilihan untuk bertindak secara positif ataupun sebaliknya terhadap pengajaran ilmu fardu 'ain

berkenaan. Apabila seseorang individu menerima pengajaran ilmu fardu 'ain, maka potensi untuk berubah sikap adalah besar dan kemungkinan boleh berubah ke arah positif atau sebaliknya. Oleh itu, hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H0: Tiada hubungan yang signifikan antara sikap terhadap pengetahuan dan amalan.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap pengetahuan dan amalan.

Metodologi

Pendekatan secara kuantitatif digunakan dalam kajian ini melalui pemilihan reka bentuk kajian secara tinjauan (*survey research*). Pemilihan reka bentuk kajian secara tinjauan dipilih berdasarkan kesesuaian reka bentuk ini untuk menilai pendapat, fakta sosial, kepercayaan, sikap dan trend. Selain itu kekuatan reka bentuk ini juga adalah baik untuk mengukur hubungan antara pemboleh ubah (Kerlinger, 1973). Manakala pendekatan kuantitatif dipilih berdasarkan kepada kesesuaian kajian kuantitatif untuk menjelaskan sesuatu fenomena atau ciri-ciri tertentu dalam sesuatu fenomena dan budaya. Oleh itu, berdasarkan kepada pendekatan dan pemilihan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa kajian ini menggunakan kaedah kutipan data secara numerikal serta menganalisis data dengan perisian SPSS.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi merupakan kumpulan peserta yang berpotensi digeneralisasikan dalam sesuatu kajian. Populasi dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan 5 sekolah menengah di Negeri Perlis yang berjumlah seramai 2,987 orang. Maka sampel kajian yang diperlukan bagi melengkapkan kajian ini adalah sebanyak 341 sampel (Krejcie & Morgan, 1970). Pemilihan pelajar sekolah menengah tingkatan 5 sebagai sampel kajian adalah disebabkan oleh beberapa sebab. Pertama, pelajar tingkatan 5 merupakan pelajar gred akhir di sekolah peringkat menengah yang telah melengkap silibus pengajian bermula dari tingkatan 1 hingga 5. Kedua, pelajar tingkatan 5 di negeri Perlis dipilih berdasarkan kepada jenis kategori sekolah di Perlis yang mempunyai setiap kategori jenis pengajian seperti SBP, SABK, SMK, KV, SMKA dan MRSM. Oleh itu, kepelbagaian jenis kategori sekolah ini dijangka akan menjelaskan hasil keputusan kajian yang pelbagai berdasarkan kepelbagaian latar belakang sekolah pengajian pelajar terbabit. Disebabkan oleh faktor-faktor tersebut, maka sampel bagi kajian ini yang merupakan pelajar sekolah menengah tingkatan 5 dipilih berdasarkan kepada kriteria berikut:

1. Responden perlulah pelajar semasa tingkatan 5 yang sedang mengikuti pengajian di peringkat menengah negeri Perlis.
2. Responden perlulah seorang Muslim.
3. Responden perlulah tinggal dan bermastautin di negeri Perlis.

Kaedah Kutipan Data

Kaedah kutipan data yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui soal selidik. Soal selidik merupakan kaedah yang sangat sesuai sebagai kaedah memperoleh data dan maklumat kerana melibatkan jumlah populasi yang besar dan berlainan latar belakang (Sekaran, 2000). Selain itu, soal selidik juga merupakan kaedah yang bertepatan dan selaras dengan objektif yang ingin dicapai oleh kajian ini. Soal selidik dalam kajian ini dibina dan dirangka kepada empat bahagian yang merangkumi bahagian A: latar belakang responden, bahagian B: amalan terhadap fardu 'ain, bahagian C: pengetahuan terhadap fardu 'ain dan bahagian D: sikap terhadap fardu 'ain.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar di tiga buah sekolah. Data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Statistics versi 22*. SPSS untuk mengetahui nilai pelali kebolehpercayaan, iaitu *alpha Cronbach*.

Dalam kajian rintis, setiap item memperoleh nilai alpha yang berada pada tahap baik dan amat baik atau tinggi melebihi 0.80. Hasil kajian rintis tersebut, nilai alpha bagi konstruk kesediaan ialah 0.874, konstruk sikap ialah 0.935 dan konstruk amalan ialah 0.846. Jumlah keseluruhan nilai *alpha Cronbach* ialah 0.885. Menurut Zaidatun dan Mohd Salleh (2003), nilai *alpha* antara 0.60 hingga 0.80 diterima, manakala nilai *alpha* melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Hal ini bermakna konstruk-konstruk kajian mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai.

Kaedah Analisis

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Analisis deskriptif yang digunakan melibatkan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, dan ralat piawai. Skor minimum adalah nilai purata yang mewakili pelbagai nilai dan merupakan kaedah pengukuran kecenderungan pusat. Nilai min digunakan untuk menjelaskan tahap persetujuan oleh responden dan dibaca bersama dengan sisihan piawai untuk menentukan tahap persetujuan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam soalan. Bagi skala lima mata, Skala Tahap persetujuan yang kurang daripada 2.4 adalah "Rendah"; 2.5 – 3.20 adalah "Sederhana" dan akhir sekali lebih daripada 3.2 adalah "Tinggi" dengan merujuk kepada kajian oleh Balli dan Razzaly (2011).

Hasil Dapatan Kajian

Latar Belakang Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 347 orang responden daripada para pelajar tingkatan lima di sekolah-sekolah menengah di negeri Perlis. Seramai 172 orang dalam kalangan pelajar lelaki dan seramai 175 orang dalam kalangan pelajar perempuan yang pernah mempelajari ilmu Fardu 'Ain sejak dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Pengkaji memilih responden dari

pelbagai latar belakang yang berbeza agar memberi impak yang kukuh dalam hasil kajian yang diperolehi. Jadual 1 berikut menunjukkan responden terdiri daripada enam kategori pendidikan menengah, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan lain-lain dalam pelbagai aliran pengajian samada sains atau sastera. Kepelbagaian latar belakang responden ini bertujuan agar pandangan dan pendapat yang dilontarkan mewakili semua golongan pelajar dalam kajian ini.

Jadual 1 Taburan Profil Responden Kajian

Profil Pelajar	Maklumat	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	172	49.6
	Perempuan	175	50.4
Kategori Pendidikan Menengah	Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	154	44.4
	Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	41	11.82
	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	50	14.4
	Kolej Vokasional (KV)	34	9.8
	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	66	19.0
	Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	2	0.6
	Lain-lain		
Aliran pengajian di sekolah	Sastera	223	64.3
	Sains	124	35.7
Tempat Pemastautin	Bandar	198	57.1
Anggaran Pendapatan Keluarga	Luar Bandar	149	42.9
Pendapatan Keluarga	RM3,000.00 dan ke bawah	222	64.0
	RM3,001.00 – RM5,000.00	50	14.4
	RM5,001.00 – RM10,000.00	60	17.3
	RM10,001.00 – RM20,000.00	14	4.0
	RM20,001.00 dan ke atas	1	0.3

Sumber: Soal Selidik 2023

Amalan Pelajar Sekolah Menengah Tingkatan 5 Berkaitan Fardu 'Ain

Persepsi responden mengenai tahap amalan mereka terhadap fardu 'ain dapat dilihat dengan nyata di bahagian ini. Pengkaji mengukur tahap skor min bagi semua item berdasarkan Jadual 2.

